



Karnival Futsal Piala Naib Canselor UniMAP

Oleh ; Fazlina Md. Fadzil

11 & 12 April 2009 bertempat di D'Futsal Centre Kangar, Perlis telah berlangsung Karnival Futsal Piala Naib Canselor. Program yang merupakan acara tahunan ini telah dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2008 & 2009 dengan Persatuan Pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik (PERKASE). Tujuan penganjuran untuk mencungkil bakat dan membina semangat kesukaran para mahasiswa UniMAP dalam bidang sukan futsal. Tambahan pula setiap tahun penganjuran acara ini mendapat penyertaan yang begitu menggalakkan dari mahasiswa/i UniMAP. Maka tahun ini pelaksanaan acara ini diteruskan jua atas permintaan yang tinggi dari mahasiswa sendiri. Acara ini berjaya menarik minat hampir 20 pasukan lelaki dan 4 pasukan perempuan untuk menyertai karnival futsal ini. Perlawanan pada peringkat awal berlangsung pertandingan diperingkat kumpulan dan kemudian diteruskan kepusingan kalah mati semasa peringkat suku akhir. Bagi pertandingan futsal untuk pasukan perempuan telah dimenangi oleh pasukan dari PPK Bahan sebagai Johan, diikuti pula kedudukan Naib Johan oleh pasukan dari PPK Mekatronik dan pasukan dari PPK Alam Sekitar berjaya menggondol pingat gangsa. Manakala pasukan lelaki dengan kemenangan di tempat ketiga telah diraih oleh pasukan dari PPK Sistem Elektrik, Naib Johan dimenangi oleh pasukan PPK Mekatronik dan kemenangan berganda diraih oleh pasukan mahasiswa dari PPK Sistem Elektrik apabila berjaya muncul sebagai Johan. Acara bertambah meriah dengan kesudian Y. Bhg. Dato' Naib Canselor hadir menyaksikan perlawanan akhir dan seterusnya beliau berbesar hati menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang.